

13 MAY 2002

Sabah-Pengganti

UMNO HARAP PENGGANTI PANDIKAR AMIN JUGA DARI SABAH

KOTA KINABALU, 13 Mei (Bernama) -- Umno Sabah berharap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melantik "orang Sabah" sebagai pengganti Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada Ahad ini.

"Bagaiamanapun, itu terpulang kepada budi bicara Perdana Menteri," kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman.

Akhbar hari ini memetik Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman sebagai berkata khidmat Pandikar Amin akan tamat hujung minggu ini kerana khidmat beliau sebagai Ahli Dewan Negara tidak boleh disambung lagi setelah memenuhi tempoh maksimum dua penggal.

Sebelum itu, Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah, menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Yayasan Sabah dan Sabah Shell Petroleum Co Ltd.

Mengikut MoU itu, Shell Sabah akan menderma RM361,000 kepada Yayasan Sabah bagi membina pusat maklumat untuk Kawasan Perlindungan Lembangan Maliau.

Ketika ditanya mengenai cadangan pemansuhan enam kerusi Dewan Undangan Negeri secara lantikan, Musa berkata Barisan Nasional (BN) mempunyai pandangan tersendiri mengenai perkara itu.

Semalam Ketua Parti Demokratik Malaysia Sabah Fung Ket Wing telah mencadangkan supaya kerusi enam ahli Dewan Undangan Negeri secara lantikan dimansuhkan kerana mengikut persempadan semula kawasan pilihan raya, Sabah dijangka mendapat tambahan 12 kerusi negeri untuk menjadikan 60 kesemuanya.

Ditanya sama ada Umno akan membawa isu itu ke mesyuarat Barisan Nasional, Musa berkata : "Kita akan mendengar pandangan orang lain. Umno mempunyai pandangan tersendiri nanti kita akan kemukakan di masa akan datang."

Presiden Parti Bersatu Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan pula dilaporkan berkata beliau berharap enam kerusi negeri itu melalui proses lantikan itu dikekalkan.

-- BERNAMA

MK MAI